

UMC (foto kampus) 29/12/10 (Rabu) Ms: JG

## Bidang penulisan penting untuk capai visi universiti

KUANTAN 28 Dis. – Universiti Malaysia Pahang (UMP) mahu menjalinkan kerjasama lebih erat dengan syarikat penerbitan akhbar kumpulan Utusan bagi membantu universiti tersebut mencapai visinya ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abd. Rahman Safie berkata, kepakaran kumpulan Utusan terutama dalam bidang penulisan mampu membantu pihak universiti itu mencapai cita-cita tersebut.

Katanya, bidang penulisan berita dan artikel dalam penerbitan buletin atau makalah universiti memainkan peranan penting untuk mencapai visi serta misi yang digariskan.

"Selaras dengan perancangan strategik 2011-2015 UMP dalam usaha menjadikannya sebagai universiti pilihan hingga ke peringkat antarabangsa, maka diadakan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* terutama dalam penulisan berita yang baik.

"Bengkel yang diadakan seperti ini dilihat dapat membantu memperkenalkan UMP kepada masyarakat luar terutama mengenai penyelidikan dan aktiviti yang dilaksanakan.

"Tambahan pula, bengkel penulisan ini dipimpin oleh individu yang cukup berpengalaman dalam bidang kewartawanan," katanya ketika menutup bengkel penulisan asas kewartawanan di Dewan Banquet UMP kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Bengkel selama dua hari bermula semalam itu dihadiri seramai 42 peserta yang terdiri daripada pensyarah, pegawai penyelidikan dan para pegawai kanan UMP.

Bengkel itu dikendalikan oleh penceramah Kumpulan Utusan yang terdiri daripada Ketua Unit Jurufoto *Utusan Malaysia*, Syed Agil Syed Jaafar; Pengarang Berita *U-*



**SYED Agil Syed Jaafar (kanan)** menyampaikan ceramah fotografi kepada 42 pegawai serta kakitangan Universiti Malaysia Pahang yang mengikuti bengkel penulisan asas kewartawanan anjuran UMP dan *Utusan Malaysia* di Dewan Banquet UMP Kampus Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

*san Malaysia*, Rozaman Ismail dan Pengarang Rencana *Utusan Malaysia*, Azman Anuar.

Menurut Abd. Rahman, penulisan berita yang baik dan tepat dilihat dapat membantu menghebahkan perkembangan universiti kepada masyarakat luar dengan berkesan. Kata beliau, pihaknya berharap penganjuran

bengkel selama dua hari itu dapat membantu warga UMP dalam menghasilkan penulisan yang lebih baik dan berkesan kepada masyarakat.

"Saya harap bengkel seumpama ini dapat memberi panduan kepada peserta untuk menulis bagi menyebarkan maklumat mengenai universiti kepada orang ramai.

"Terima kasih kepada *Utusan Malaysia* yang banyak membantu UMP terutama dalam meuar-uarkan universiti ini ke mata dunia," jelasnya.

Beliau juga berharap kerjasama UMP dan *Utusan Malaysia* dalam program seumpama itu dapat diteruskan pada masa akan datang.